

# **PENGAJIAN ISLAM DALAM PENDIDIKAN NASIONAL MEMANTAPKAN BUDAYA KE USAHAWAN DI KALANGAN GENERASI BARU GAGASAN DAN CABARAN**

**TAN SRI DATO' DR. HJ. ABDUL HAMID OTHMAN**  
**Penasihat Khas Agama Islam**  
**Kepada YAB Perdana Menteri**

## **Pendahuluan**

Apabila Negara Islam berpindah ke Syria (Kawasan Empayar Rome) kehendak-kehendak dan gesaan Al-Quran bagi hasanah di dunia di perhebatkan. Gesaan pertama di dalam Al-Quran untuk mencari ilmu dan penghebatan aktiviti pelajaran (Iqra' – alloma) diambil secara bersungguh-sungguh dan penuh kefahaman oleh umat Islam. Bani Ummaiyah perhebatkan seruan ini. Natijahnya umat Islam cemerlang (pada ketika umat Rome sedang menurun) dalam perbagai bidang hidup duniawi. Mereka mempunyai kebolehan dan keberanian untuk bergerak dan mengembara keluar secara perniagaan dan maliter (ketenteraan) dengan niat yang satu dakwah dan perkembangan Islam, melalui jalan laut dan darat, di Asia dan Afrika Utara hingga menyeberang Jibrelta menyeberang laut hingga sampai ke Rome. Niat mereka adalah satu iaitu menyempurnakan gesaan Al-Quran bagi mencapai penyebaran Islam dengan penuh keagungan dan berjaya dalam perniagaan dan keagungan Islam. Mereka berjaya menegakkan syiar dan menerapkan kehendak Islam dalam pemerintahan dan kehidupan di tempat-tempat yang tersebut di atas.

Keagungan mereka makin terbina dan berterusan hinggalah orang-orang Barat mula mengkaji kekuatan dalaman Islam dan berusaha bagi mematahkan kekuatan itu melalui pelbagai cara dengan tujuan memperkukuhkan dasar dan pelaksanaan program penjajahan. Pengajian Islam (orientalisme) berjalan dengan cara yang halus dan mendalam serta memberi impak yang besar. "Turning-point" yang terbesar dan terhebat ialah memujuk umat Islam supaya percaya bahawa pengajian Islam itu ialah tentang ketuhanan dan hasanah di akhirat, iaitu pengajaran dan konsep yang paling berkesan dalam Kristian bagi melemahkan peranan dan kuasa orang-orang agama; sedang urusan lain dalam negara termasuk perniagaan adalah duniawi yang tidak digesa di dalam agama (sekular).

## Penjajah Datang Ke Alam Melayu

Banyak negara Islam jatuh ke tangan penjajah mulai kurun ke 14. Negara-negara Arab yang menjadi tumpuan umat Islam dijajah dan penjajah berusaha memperkukuhkan dasar dan kuasa penjajah. Mereka berminat dengan negara-negara Islam kerana di situlah banyak kekayaan yang dikurniakan oleh Allah termasuk minyak, bijih dan hasil bumi. Mereka tumpukan perhatian kepada negara-negara Islam yang menjadi tumpuan dan contoh kepada umat Islam terutama Mesir dan Saudi Arabia; kerana dua tempat ini menjadi tumpuan kepada alam Melayu, tempat kediaman umat Islam yang terbanyak dan hasil bumi dan alam semula jadi yang boleh memenuhi hajat mereka. Di kawasan-kawasan ini sangat hebatlah gerakan orientalisme dengan tujuan membina semangat pergantungan umat kepada penjajahan.

Penjajah mengambil pengajaran Islam sendiri bagi menjalankan dasar penjajahan. Islam membahagikan tugas hamba kepada Allah ialah bagi mencapai hasanah di dunia dan di akhirat. Hasanah di akhirat tertumpu kepada ketaatan dan kepatuhan pegangan kepada Allah. Hasanah di dunia ialah pembinaan hidup yang selesa di atas muka bumi. Hasanah di akhirat diajar sebagai Fardu Ain manakala hasanah di dunia sebagai Fardu Kifayah. Penjajah mengambil pengajaran ini untuk memberi kefahaman di kalangan umat Islam bahawa fardu ain hendaklah dipikul sendiri manakala fardu kifayah boleh dilakukan oleh pihak lain termasuk kuasa penjajahan.

Lanjutan daripada ini kegiatan keagamaan dan pengajaran Islam ditumpu kepada fardu ain (Usuluddin). Akibatnya kegiatan pengajian Islam adalah tertumpu pada aqidah. Kurikulum pengajian Islam ditumpu kepada hal ini. Kitab-kitab yang ditinggalkan oleh ulama yang terdahulu yang begitu hebat dalam syariah dan tauhid dipelajari bahagian tauhid sahaja. Manakala bahagian feqah (syariah) tidak diambil berat, hinggakan Al-Quran pun diambil aspek 'ritual'. Adapun aspek syariah terabai. Contoh yang paling nyata mengenai hal ini institusi pengajian secara formal dan tidak formal tertumpu pada tauhid dan ritual. Adapun muamalah diabaikan dan tidak diajar bersungguh-sungguh.

Sebagai misal tajuk zakat. Dalam ajaran Islam dan kitab-kitab zakat ertinya pertumbuhan dan pembersihan. Kalau harta seseorang itu tumbuh maka mestilah membayar zakat untuk membersihkannya. Apabila penjajah datang tumpuan pengajian tentang zakat ialah zakat ertinya bersih. Siapa yang berniaga dan mendapat untung atau bercucuk tanam dapat hasil mestilah dibersihkan. Tumpuan tidak diberikan kepada pertumbuhan harta tetapi diberi kepada pembersihan harta yang tumbuh. Sekiranya seseorang berniaga atau berladang dan mendapat hasil yang baik maka diwajibkan mereka membersihkannya dengan zakat. Tetapi sekiranya berniaga tidak untung, tanah tidak tumbuh maka itulah orang Islam yang bersih, kerana ia tidak terlibat dengan pertumbuhan yang mewajibkan pembersihan, maka sucilah orang yang berniaga tidak untung atau ladang tidak ditanam.

Natijahnya lesen kelas tertentu dikeluarkan dengan bilangan yang banyak, umat Islam redha dengan tidak dapat untung atau gagal. Ladang atau bendang yang luas terbiar begitu saja, semua umat Islam berkata tidak ada siapa yang berdosa maka mereka redha dengan tanah mereka yang terbiar.

Harta yang diwajibkan zakat ke atasnya dicari jalan supaya tidak diusahakan. Ada orang Islam di Malaysia redha dengan usaha import beras dari negara jiran untuk 3 bulan dalam setahun. Dalam kitab feqah jagung adalah harta yang wajib zakat tetapi perbahasan dan ahli bahasa redha dengan ucapan ‘ balik kampung tanam jagung’, bagi menyifatkan orang yang gagal dalam perniagaan. Natijahnya ayam yang menjadi makanan kita di Malaysia, makanannya ialah jagung yang diimport dari sebuah negara lain dengan harga 2 bilion ringgit setahun.

Ilmu mengajar bahawa vitamin C yang diperlukan oleh setiap orang boleh didapati dari limau nipis yang boleh ditanam di keliling rumah tetapi rakyat Malaysia membayar vitamin C melalui oren dan apel dari luar dengan berbilion ringgit setahun. Misal-misal dan perbincangan di atas memberi kefahaman kepada kita bahawa ‘life-style’ dan kefahaman yang ditinggal oleh penjajah masih mengungkung kehidupan kita untuk kepentingan penjajahan dan ini adalah dengan syariah Islam.

Hasil daripada penjajahan minda dan ilmu di samping pemerintahan semua negara Islam bergantung kepada negara lain. Sungai Nil terletak dalam negara Islam tetapi negara-negara berkenaan selalu menghadapi kebuluran dan mengharap orang lain menguruskan makanan mereka. Hal yang serupa berlaku di kawasan Nusantara kita. Potensi-potensi tanah dan air untuk kemakmuran tidak dipergunakan untuk mengeluarkan makanan.

Pengajian Islam tertumpu pada ‘ritual’ semata-mata. Kasih kepada Al-Quran ditunjuk dengan kecekapan membaca dan lagunya, tetapi gesaan dan kandungannya tidak pernah dipedulikan. Surah yang terpanjang dalam Al-Quran ialah surat Al-Baqarah. Orang yang memegang dan membaca Al-Quran tidak pernah menyebut bahawa Baqarah ertinya lembu. Dan tersebut dengan nyata Allah menyuruh agar lembu disembelih. Malangnya tak pernah siapa pun menyebut nama surah ini baqarah ertinya lembu maka deritalah umat Islam di dalam suruhan itu. Dalam satu surah yang lain Allah menyebut “Aku turunkan hujan dari langit, sedikit kamu minum tetapi mengapa tidak takung. Oleh sebab buta tentang ayat ini banyak negara Islam, mengeluh kerana hujan lebat dan banjir besar tetapi di tempat yang sama tidak cukup air minum”. Inilah kejayaan orientalis yang memasukkan ilmu mereka dalam Islam untuk pengurusan penjajahan.

### Pendidikan Nasional

Di Malaysia pemimpin kita berjaya menjadikan Islam agama rasmi. Terbit dari itu mereka berjaya memasukkan pengajian Islam dalam kokurikulum rasmi pendidikan di Malaysia sebanyak 13%. Mata pelajaran ini diajar dan wajib dipelajari ke atas murid yang beragama Islam. Hasil dari dasar ini dan aktiviti yang terbit darinya sangat membanggakan kita.

Walau bagaimanapun kejayaan kita belum sempurna kerana kita dibelenggu dengan pemikiran orientalis dan dasar penjajahan bahawa tumpuan kepada fardu ain tidak fardu kifayah. Semua menjerit kalau masjid dicerobohi atau dihina tetapi semua redha apabila diberitahu bahawa nasi, daging, ikan, sayur dan buah-buahan diimport dengan harga yang mahal dan redha pula kalau ada cakap-cakap atau tayangan-tayangan yang menghina dan

memburuk industri-industri yang bersangkutan dan memandang dengan tidak peduli apabila melihat tanah yang berpotensi terbiar begitu saja. Dalam institusi pengajian juga terdapat musibah ini, pelajar dan mahasiswa menolak kalau mereka disalurkan kepada institusi dan pengajian yang bersangkutan dengan ini. Akibat dari itu umat kita tidak rasa malu bahawa dalam kehidupannya tiap-tiap hari segala keperluan hidupnya dibawa dari luar dan tidak diusahakan sendiri.

Usaha-usaha besar itu dirancang dan dijalankan dalam negara dengan begitu hebat tidak langsung diberi penghargaan dengan berkata bahawa usaha itu adalah penunaian tuntutan Islam. Dua puluh buah universiti ditubuhkan di Malaysia dan beribu-ribu sekolah untuk menyiapkan orang yang layak masuk universiti, tidak langsung di fahami bahawa ini adalah pelaksanaan tuntutan yang pertama di dalam Al-Quran iaitu 'Igra dan alloma' (surah Al-Alaq).

Begitu jugalah penglibatan pemerintah dalam pasarana negara tidak dianggap sebagai penunaian tuntutan fardu kifayah. Kita pilih ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang bersangkutan dengan fardu kifayah tetapi tidak dipelajari atau diajar dengan sempurna. Sebagai misal ada hadis-hadis dan ayat-ayat dalam sukatan pelajaran agama yang bersangkutan dengan pemakanan dan pasarana dan keselesaan-keselesaan hidup tetapi tidak diolah dengan sempurna supaya sampai kepada pemikiran murid-murid dan seterusnya menjadi pedoman dalam kehidupan.

### Ekonomi Islam

Di dalam Al-Quran disebut dengan nyata bahawa matlamat pengurusan ekonomi negara adalah dua. Pertama tidak lapar, kedua tidak takut. (Surah Quraish), yang bererti dalam negara mesti tercapai dua perkara tersebut yang menjadi asas kebahagiaan masyarakat. Tidak lapar ertinya ekonomi stabil, keadaan ekonomi yang stabil menghasilkan ketenangan. Malah dalam matlamat pengurusan ekonomi, Al-Quran menyebut dengan terang bahawa kegagalan pengurusan ekonomi di anggap mendustai agama; Surah Al-Maon yang bererti adalah menjadi pendustaan kepada agama kalau dibiarkan generasi muda menjadi yatim. Yakni tidak mempunyai kemahiran hidup yang sesuai dengan zamannya dan tidak mengurus dengan sempurna hal pembasmian kemiskinan.

Ayat-ayat yang tersebut di atas adalah prinsip utama dalam pengendalian ekonomi Islam. Oleh itu tumpuan mesti diberi kepada perkara-perkara yang tersebut di atas. Yang memberi kefahaman kepada kita bahawa dalam pengurusan ekonomi mengikut Islam, dasar-dasar besar mesti dibuat supaya tidak ada pergantungan ekonomi secara terus atau tidak terus terutama dalam hal makanan dan peluang kerja bagi generasi muda. Dasar-dasar dan kehendak yang tersebut itu mesti diusahakan secara bersungguh-sungguh. Sifat pergantungan kepada pihak lain yang ditinggalkan oleh penjajah mesti ditinggalkan, terutama sekali sifat berdikari mengenai makanan. Sebuah bangsa yang merdeka merasa hina kalau pergantungan itu berterusan terutama dalam pengeluaran makanan.

Kita di Malaysia semangat Islam kita bangkitkan dengan hebatnya tetapi “belunggu” belum dapat dipecahkan, kegelapan malam belum dapat sinar cahaya. Sekiranya ada orang kita tidak malu dan tidak merasa berdosa hingga kini pergantungan kepada orang luar dari segi pemakanan dengan banyaknya. Perkara ini berlaku hingga kepada orang perseorangan. Limau nipis yang boleh tumbuh di sekeliling rumah tidak menjadi kebanggaan, malah ditimpa perasaan malu.

#### Kesimpulannya:

Dasar-dasar yang murni dalam pengurusan ekonomi yang disusun oleh Islam tidak menjadi pedoman kepada orang Islam kerana penjajah yang faham tentang orientalisme menutup hidayat dari hati kita. Di Malaysia, tidak dianggap isu agama kalau soal ekonomi tidak diambil berat penderitaan yang ditempuh kerana penurunan harga komoditi tidak dianggap perkara yang menyentuh iman dan tidak disedari oleh sesiapa bahawa ada orang yang berdosa kalau penderitaan ekonomi menimpa masyarakat.

#### Cadangan

Pengajian Islam di Malaysia di semua peringkat perlu disusun semula supaya kesedaran dan semangat tentang syariah dihidupkan iaitu pencapaian hasanah di dunia. Kita telah mulakan gagasan ini dengan kefahaman Islam Hadhari.